

28 MAY 1997

Anwar-Asean

ASEAN TERIMA ANGGOTA BARU SELEWAT-LEWATNYA PADA SIDANG KEMUNCAK20DISEMBER INI

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Kemboja, Myanmar and Laos perlu diterima masuk ke dalam Asean selewat-lewatnya pada sidang kemuncak Asean Disember ini, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Soal melambat-lambatkannya tidak timbul," katanya pada satu sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Keputusan kami adalah konsisten bahawa ketiga-tiga negara ini perlu diterima masuk selewat-lewatnya menjelang sidang kemuncak itu," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai satu laporan hari ini bahawa ketiga-tiga negara itu akan diterima masuk ke dalam perkumpulan serantau itu akhir tahun ini, dan bukan pada Julai ini seperti yang dijangka sebelumnya.

Laporan itu berkata negara-negara itu berharap untuk menyertai Asean pada mesyuarat peringkat menterinya di sini pada 24 dan 25 Julai ini. Pada sidang kemuncak tidak rasmi Asean tahun lepas, para pemimpinnya telah bersetuju untuk menerima masuk ketiga-tiga negara itu bagi merealisasikan wawasan "Asean 10".

Isu kemasukan ketiga-tiga negara itu muula menjadi hangat ketika para menteri luar Asean dijadualkan bertemu di sini Sabtu ini bagi memutuskan perancangan untuk menerima keanggotaan mereka.

Dakwaan mengenai salah laku hak asasi manusia oleh Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar (SLORC) telah menyebabkan sesetengah pihak termasuk Pergerakan Belia Islam Malaysia (ABIM) menggesa supaya kemasukan negara itu ke dalam Asean ditangguhkan.

Di Tokyo hari ini, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto memberi amaran bahawa kemasukan Myanmar ke dalam Asean boleh ditafsirkan sebagai petanda sokongan kepada pemerintah junta tentera di Yangon.

Ditanya mengenai gesaan ABIM itu, Anwar berkata kerajaan perlu melihat laporan pergerakan itu mengenai tuduhan mereka bahawa ada penindasan terhadap umat Islam di Myanmar.

Semasa bantahannya semalam, ABIM menyifatkan penindasan oleh SLORC itu menunjukkan bahawa mereka tidak menghormati dasar penglibatan membina yang didukung oleh Asean.

Mengenai parti politik Kemboja yang mahu Malaysia membantu mewujudkan perdamaian dan kestabilan di negara itu, Anwar berkata Malaysia sentiasa menyokong dalam usaha-usaha mencari perdamaian di Kemboja.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebenarnya telah menugaskan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi melawat Phnom Penh tidak berapa lama dulu untuk berbincang dengan berbagai parti politik dan pemimpin negara itu," katanya.

Presiden Parti Demokrasi Bebas Kemboja Dr Mohamed Long Bora Abdullah berkata di sini semalam bahawa beliau akan meminta Dr Mahathir membawa kedua-dua pihak yang bertelagah di negaranya ke meja rundingan.

Mengenai Iran, Anwar mengucapkan tahniah kepada Mohammad Khatami yang akan menjadi Presiden baru negara itu selepas menang besar pada pilihan raya presiden yang baru saja lepas.

Satu perutusan tahniah rasmi akan dihantar kepada Khatami, katanya.

"Walaupun hubungan Iran dan Malaysia sudah baik, kita jangka kerjasama dan hubungan akan lebih baik lagi," katanya. -- BERNAMA

AZZ WAT